Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Meng

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — PERMOHONAN JENAYAH 44–3–92
FAIZA TAMBY CHIK H
3 OGOS 1992

Undang-Undang Islam *— Mualaf — Mualaf berhasrat keluar daripada agama Islam — Cara berbuat demikian — Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 s 90(3)*

Undang-Undang Perlembagaan *— Kebebasan asasi — Habeas corpus — Sama ada permohonan harus dibenarkan — Prinsip-prinsip yang terpakai — Perlembagaan Persekutuan perkara 5(2)*

Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah ('Nurul') telah meninggalkan rumah bapa kandungnya, iaitu responden, secara rela dan telah pergi ke pejabat kadi Tampin secara sukarela dan memeluk agama Islam pada 27 Mei 1992. Beliau berumur 18 tahun 20 hari pada masa itu dan telah didaftarkan dalam buku daftar orang-orang memeluk Islam. Kemudiannya pada 31 Julai 1992, beliau telah menyatakan di dalam sidang akhbar keinginannya untuk meninggalkan agama Islam dan balik ke agama asalnya, agama Buddha. Pemohon telah membuat permohonan untuk memperoleh suatu writ habeas corpus terhadap responden memerintahkan tubuh Nurul Ain Hun dibawa ke hadapan mahkamah untuk ditentukan kebajikannya. Nurul dikatakan telah ditahan oleh responden sejak daripada 16 Julai 1992.

Diputuskan, menolak permohonan itu:

(1) Daripada keterangan afidavit yang dibentangkan oleh pemohon dan pada intinya keterangan afidavit tersebut tidak disangkal oleh responden dan seterusnya daripada keterangan lisan Nurul sendiri, jelas bahawa beliau adalah sah telah memeluk agama Islam dengan sukarela. Oleh hal yang demikian, Nurul terikat dengan peraturan-peraturan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 dan pemohon bertanggungjawab di atas kebajikannya.

(2) Keputusan Nurul untuk keluar daripada agama Islam melalui afidavitnya bertarikh 31 Julai 1992 belum boleh disifatkan muktamad sehingga beliau sendiri menyatakan hasratnya sedemikian kepada pemohon dan keputusan tersebut didaftarkan. Oleh hal yang demikian, Nurul masih kekal seorang Islam.

(3) Asas bidang kuasa dalam habeas corpus adalah penahanan yang menyalahi undang-undang seseorang, iaitu penahanan atau pemenjaraan yang tidak boleh diwajarkan di sisi undang-undang. Perkataan-perkataan 'ditahan dengan menyalahi undang-undang' dalam perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan bermakna ditahan secara 'physical' atau jasmani dan perkataaan 'dibawa ke hadapan mahkamah' dalam perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan bermakna dibawa daripada jagaan sebenar.

(4) Daripada keterangan afidavit Nurul bertarikh 31 Julai 1992, adalah jelas di sini bahawa Nurul telah dengan rela hati mengikuti responden pada 16 Julai 1992 dan masa itu beliau adalah seorang dewasa dan sempurna akal.

[English summary

Nurul Ain Hun bte Abdullah ('Nurul') had left the house of her father, the respondent, of her own accord and gone to the office of the kadi in Tampin and had willingly embraced the religion of Islam on 27 May 1992. She was 18 years and 20 days old at the time and had been registered in the register of Muslim converts. Subsequently on 31 July 1992, she announced in a press conference her wish to leave the religion of Islam and return to her original religion, that is, Buddhism. The appellant applied for a writ of habeas corpus against the respondent directing the person of Nurul to be brought before the court to determine her welfare. Nurul was alleged to be detained by the respondent since 16 July 1992.

Held, dismissing the application:

(1) From the affidavit evidence produced by the applicant the contents of which were not disputed by the respondent and further from the oral evidence of Nurul herself, it is clear that she had lawfully embraced the religion of Islam willingly. Therefore, Nurul is bound by the provisions of the Administration of Islamic Law (Negeri Sembilan) Enactment 1991 and the applicant was responsible for her welfare.

(2) Nurul's decision to leave the religion of Islam by her affidavit dated 31 July 1992 cannot be regarded as final until she herself states her intention to the applicant and her decision is registered. As such, Nurul remains a Muslim.

(3) The basis of jurisdiction in habeas corpus is unlawful detention, that is, detention or imprisonment that cannot be defended in law. The words 'being unlawfully detained' in art 5(2) of the Federal Constitution means detention by force and the words 'be produced before the court' in art 5(2) of the Federal Constitution means produced from actual custody.

(4) From Nurul's affidavit evidence dated 31 July 1992, it is clear here that Nurul has of her own accord followed the respondent on 16 July 1992 and at that time she was an adult and of sound mind.

Nota

Untuk kes-kes yang melibatkan habeas corpus, lihat 3 *Mallal's Digest* (Edisi ke 4) perenggan-perenggan 575–577.

Undang-undang rujukan

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 ss 27, 82, 83(1), 84, 86, 90(1), (2), (3)

Perlembagaan Persekutuan perkara 5(2), 11(3)(a)

Haji Sulaiman bin Abdullah (*Zamani bin Ibrahim, Tengku Hasmuddin bin Tengku Othman* dan *Kamaruzaman bin Ahmad* bersamanya) (*Hisham Sobri & Kadir*) bagi pihak pemohon. A

Karpal Singh (*Karpal Singh & Co*) bagi pihak responden.

Faiza Tamby Chik H: Ini adalah permohonan untuk suatu writ habeas corpus dikeluarkan terus terhadap responden untuk diperintahkan membawa tubuh Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah ke hadapan mahkamah untuk ditentukan kebajikannya. B

Nurul Ain Hun bte Abdullah adalah seorang mualaf dan dikatakan telah ditahan oleh responden bapa kandungnya sejak daripada 16 Julai 1992 sehingga kini dan tidak diketahui tentang kebajikan dan agamanya. Permohonan ini dibuat di bawah s 365 Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6). C

Permohonan ini telah pada mulanya ditetapkan untuk didengar pada hari Khamis bersamaan 30 Julai 1992, akan tetapi, pada hari tersebut peguambela yang bijaksana bagi pihak responden telah memohon penangguhan oleh kerana beliau baru sahaja diserahkan dengan dua keping afidavit pada pagi tersebut dan memerlukan masa untuk menjawabnya. Peguambela yang bijaksana bagi pihak pemohon mengesahkan perkara tersebut dan tidak membantah permohonan penangguhan tersebut. Oleh kerana itu mahkamah telah menangguhkan pendengaran kes ini kepada hari Isnin, 3 Ogos 1992. D

Pada 3 Ogos 1992 kes ini telah didengar. Dapat diperhatikan daripada afidavit-afidavit yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak bahawa: E

(1) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah meninggalkan rumah bapa kandungnya, iaitu responden, secara rela (lihat Tampin Report 2395/92 bertarikh 29 Mei 1992);
(2) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah pergi ke pejabat Kadi Tampin pada 27 Mei 1992 secara sukarela dan menyatakan hasratnya ingin memeluk agama Islam; F
(3) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah berumur 18 tahun 20 hari pada masa itu. Beliau dilahirkan pada 1 Mei 1974;
(4) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah mengisi dengan tulisan tangannya sendiri borang kenyataan keislaman bertarikh 27 Mei 1992; G
(5) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah melafazkan ucapan dua Kalimah Syahadah dengan sendiri tanpa diajar dan dengan sendiri telah menerangkan maksudnya tanpa diajar juga;
(6) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah setelah itu telah didaftarkan dalam buku daftar orang-orang memeluk Islam (lihat ekshibit E) dan dikeluarkan satu kad pengenalan orang memeluk Islam (lihat ekshibit F); H
(7) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah tinggal bersama-sama keluarga angkat sementaranya, Hj Abu Kasim bin Manaf di No 6, Jalan Cantik, Tampin semenjak memeluk Islam sehinggalah 16 Julai 1992;
(8) Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah telah mengadakan sidang akhbar pada 31 Julai 1992 di Seremban dan dalam sidang akhbar tersebut beliau telah menyatakan ingin meninggalkan agama Islam dan berhasrat balik ke agama asalnya, agama Buddha dan mengambil balik nama I

A asalnya Hun Mun Meng dan beliau akan mengambil langkah-langkah yang perlu dalam masa yang wajar untuk meninggalkan agama Islam dan kembali ke agama Buddha.

Pada hari perbicaraan tersebut kedua-dua pihak telah memohon supaya saya menemubual Cik Nurul Ain Hun bte Abdullah. Oleh itu saya telah B menangguhkan perbicaraan sebentar dan telah menemubual Cik Nurul Ain di dalam kamar saya dalam kehadiran Penolong Kanan Pendaftar Tengku Maimum dan jurubahasa China Encik Chan Tor Swi. Pada intinya dalam temubual tersebut Cik Nurul Ain mengaku dan mengesahkan apa yang terjadi dalam perenggan (1) hingga perenggan (8) di atas.

C Seksyen 82 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 ('Enakmen tersebut') berbunyi:

> Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk Agama Islam jika ia telah mencapai umur lapan belas tahun dan sempurna akal.

Seterusnya Enakmen tersebut berbunyi:

D 83(1) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi bagi sahnya seseorang yang memeluk Agama Islam —

(a) orang itu hendaklah mengucapkan dua Kalimah Syahadah dalam Bahasa Arab yang dapat difamahi dengan sepatutnya;

(b) pada masa mengucap dua Kalimah Syahadah itu, orang itu sedar E bahawa ia bermakna 'Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad ialah Pesuruh Allah';
dan

(c) pengucapan itu mesti dibuat dengan kerelaan hati orang itu.

F 84 Dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 82 dan seksyen 83 telah dipenuhi, seseorang itu telah memeluk Agama Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua Kalimah Syahadah dan orang tersebut hendaklah dirujuk sebagai saudara baru.

86 Dari saat ia memeluk Agama Islam, seseorang saudara baru termasuk saudara baru kanak-kanak, mempunyai hak dan kewajipan yang sama seperti orang Islam yang lain.

G Dapat diperhatikan bahawa daripada keterangan afidavit yang dibentangkan oleh pemohon dan pada intinya keterangan afidavit tersebut tidak pula disangkal oleh responden dan seterusnya daripada keterangan lisan Nurul Ain Hun sendiri, jelas bahawa beliau adalah sah telah memeluk agama Islam dengan sukarela. Pendapat saya ini telah disokong oleh Enakmen H tersebut.

Seksyen 90(1) Enakmen tersebut menyebut:

> Seseorang yang pemelukannya ke Agama Islam telah pun didaftarkan dalam Daftar Saudara Baru hendaklah bagi semua maksud, termasuk bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri dan pada I setiap masa, disifatkan sebagai seorang Islam.

Oleh hal yang demikian Cik Nurul Ain Hun terikat dengan peraturan-peraturan Enakmen tersebut.

Seksyen 90(2) menyebut: A

> Seseorang yang memeluk Agama Islam yang telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negeri hendaklah bagi semua maksud di Negeri ini dan bagi maksud menguatkuasakan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri ini, disifatkan sebagai seorang Islam.

Adalah jelas bahawa pemohon adalah bertanggungjawab di atas kebajikan B
Cik Nurul Ain Hun. Perkara 11 fasal 3(a) Perlembagaan Persekutuan menyebut: 'Tiap-tiap kumpulan ugama adalah berhak (a) menguruskan hal ehwal ugamanya sendiri.'

Seksyen 27 Enakmen tersebut berbunyi:

> Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Besar berkenaan C
> dengan semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam kecuali perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri dan dalam semua perkara tersebut, hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Sembilan selepas Yang di-Pertuan Besar, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini atau, mana-mana Enakmen yang berhubung dengan Agama Islam. D

Dalam kes di hadapan saya, Cik Nurul Ain Hun dalam afidavitnya bertarikh 31 Julai 1992 telah berikrar dalam perenggan empat bahawa beliau berhasrat untuk meninggalkan agama Islam dan berbalik semula ke agama asalnya, iaitu agama Buddha. Saya berpendapat bahawa keputusan Cik Nurul Ain Hun untuk keluar daripada agama Islam melalui afidavit tersebut belumlah E
boleh disifatkan muktamad sehingga beliau sendiri menyatakan hasratnya sedemikian kepada pemohon dan keputusan tersebut didaftarkan. Seksyen 90(3) Enakmen tersebut menyebut:

> Seseorang Islam, atau seseorang saudara baru yang telah memeluk Agama Islam menurut Bahagian ini, dan kemudian memutuskan untuk keluar daripada Agama F
> ini hendaklah melaporkan keputusan tersebut kepada Pendaftar Saudara Baru dan Pendaftar Saudara Baru hendaklah mendaftarkan keputusan tersebut dalam borang yang ditetapkan. Sebelum keputusan tersebut dilaporkan dan didaftarkan, dia hendaklah disifatkan masih seorang Islam.

Oleh hal yang demikian, saya memutuskan bahawa Cik Nurul Ain Hun G
masih kekal seorang Islam.

Oleh kerana mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah selepas berkuatkuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704) maka soal akidah atau kepercayaan dan keyakinan Cik Nurul Ain Hun terhadap agama Islam selepas menjadi seorang mualaf atau saudara baru hanya H
boleh ditentukan oleh pemohon sendiri dan bukan oleh mahkamah ini.

Beralih kepada permohonan untuk suatu writ habeas corpus pula, perkara 5 fasal (2) Perlembagaan Persekutuan berbunyi:

> Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau kepada mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang adalah ditahan dengan me- I
> nyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan berpuashati bahawa tahanan itu adalah sah disisi undang-undang, mahkamah itu hendaklah memerintahkan orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

A Bahawa writ habeas corpus adalah suatu 'writ of right' dan bukannya suatu 'writ of course' (lihat *Wilmots Notes of Opinions and Judgments* muka surat 82).

Pemberian suatu writ habeas corpus adalah suatu hak (as of right) dan bukannya bergantung kepada budi bicara mahkamah seperti remedi undang-undang luar biasa seperti certiorari, prohibition dan mandamus dan ini B bermakna bahawa sebelum suatu writ habeas corpus itu dikeluarkan atau kebenaran diberikan untuk memohon writ tersebut, suatu afidavit hendaklah dikemukakan di hadapan mahkamah yang menunjukkan beberapa alasan atau sebab yang membolehkan mahkamah menyatakan bahawa pemohon itu telah ditahan dengan menyalahi undang-undang.

C Asas bidang kuasa dalam habeas corpus adalah penahanan yang menyalahi undang-undang seseorang, iaitu penahanan atau pemenjaraan yang tidak boleh diwajarkan di sisi undang-undang. Misalnya, kebebasan diri seseorang yang diganggui secara salah oleh seseorang lain.

Perkataan-perkataan 'ditahan dengan menyalahi undang-undang' dalam perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan bermakna ditahan secara 'physi- D cal' atau jasmani dan perkataan 'dibawa ke hadapan mahkamah' dalam perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan bermakna dibawa daripada jagaan sebenar (actual custody). Daripada keterangan afidavit Cik Nurul Ain Hun bertarikh 31 Julai 1992, adalah jelas di sini bahawa Cik Nurul Ain Hun telah dengan rela hati mengikuti responden pada pagi 16 Julai 1992 dan E pada masa itu beliau adalah seorang dewasa dan sempurna akal.

Berdasarkan alasan di atas saya memutuskan bahawa:

(1) permohonan untuk suatu writ habeas corpus ini ditolak;
(2) Cik Nurul Ain Hun masih kekal seorang mualaf atau saudara baru;
(3) diperintahkan Cik Nurul Ain Hun melaporkan diri kepada pemohon F untuk menyatakan hasratnya untuk kembali ke agama asalnya;
(4) pemohon hendaklah menjalankan kuasanya menurut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 bagi menyelesaikan perkara akidah atau kepercayaan Cik Nurul Ain Hun;
(5) mahkamah ini tiada bidang kuasa untuk mendengar apa-apa perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. G

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Prof Ahmad Ibrahim

H

I